

**Graduan era pandemik  
bergelut cari kerja »4**



**Dai Syed bebas tuduhan  
kes cabul, seks luar tabii »5**

HARI ULANG TAHUN  
TUDM KE-64

**Pastikan  
kedaulatan  
negara tidak  
dikompromi  
»24 & 25**



# PEMIKIRAN BAHARU Utusan Malaysia

Untuk ambil keterangan beberapa individu bagi siasatan projek KVMRT

## Perancis minta bantuan

Oleh MASZUREEN HADZMAN  
dan MOHD. HUSNI MOHD. NOR  
utusan@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Pihak berkuasa Perancis meminta bantuan Malaysia bagi menyiasat tiga syarikat kejuruteraan yang menjalankan projek Klang Valley Mass Rapid Transport (KVMRT) ker-

na disyaki melakukan penipuan dan rasuah bagi melaksanakan projek berkenaan.

Satu sumber memberitahu *Utusan Malaysia*, negara itu telah menghantar permohonan rasmi melalui Mutual Legal Assistant (MLA) kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) untuk mendapatkan maklumat-maklumat

yang diperlukan bagi membantu siasatan berkenaan.

Kata sumber itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merujuk permohonan tersebut dengan AGC untuk melihat bantuan dan keperluan pihak berkuasa Perancis.

"Antaranya penyiasat Perancis memohon untuk mengambil

keterangan beberapa individu di sini berhubung dakwaan penyelewengan dan rasuah.

"Kita tidak boleh buat kesimpulan secara terburu-buru. SPM sedang berbincang dan berhubung dengan pihak Jabatan Peguam Negara mengenai perkara ini," jelas sumber itu.

Sementara itu, Ketua Pesu-

rujaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri ketika dihubungi *Utusan Malaysia* mengesahkan sebuah syarikat berkepentingan awam di negara ini sedang disiasat kerana dipercayai menipu dan terabit dalam amalan rasuah ketika melaksanakan projek KVMRT.

Bersambung di muka 2



**Benteng elak banjir**

SEORANG lelaki berjalan melepas 600 beg pasir diletakkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi menghalang limpahan air Sungai Klang ketika hujan lebat dan menyebabkan banjir kiat di sekitar Chow Kit di ibu negara. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

**PM tidak  
terburu-  
bunu  
adakan  
PRU15**

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR  
juani.bakar@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob tidak terburu-buru untuk mengadakan Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) berikutan keadaan dalam negara yang sedang berdepan kenaikan inflasi dan harga barang terutama makanan.

Perdana Menteri berkata, walaupun didesak untuk segera melaksanakan pilihan raya akoran situasi politik yang tidak stabil tetapi beliau bertegaskan untuk menunggu waktu yang sesuai.

"Kita menghadapi tempoh dengan kenaikan inflasi dan harga barang, adakah kini masa sesuai?" katanya dalam temu bual eksklusif bersama *Nikkei Asia* baru-baru ini.

Bersambung di muka 3

PREMIS dua tingkat dengan reka bentuk ala kontena ini menempatkan kedai basikal Qayoh dan Plan A serta sebuah kafe kopitiam, BOXKL.



PREMIS ini beroperasi setiap hari dari pukul 7 pagi hingga 7 malam.



Oleh KAMARIAH KHALIDI  
gayautusan@mediamulia.com.my

**S**Ejak pandemik Covid-19 melanda negara, aktiviti berbasikal merupakan antara hobi yang semakin menjadi kegemaran dalam kalangan warga kota.

Sukan tersebut bukan sahaja menarik minat kesemua lapisan masyarakat bahkan golongan selebriti tanah air juga tidak terkecuali menunjukkan minat mereka dalam berbasikal.

Tidak kira hujung minggu atau selepas waktu bekerja, pasti ramai yang dilihat mengambil kesempatan untuk berbasikal bersama rakan, keluarga mahu pun bersendirian dengan menelusuri kawasan-kawasan tumpuan terutamanya taman rekreasi awam.

Di Lembah Klang khususnya, terdapat pelbagai lokasi menarik yang menyediakan kemudahan dan lajuan berbasikal serta menyajikan pemandangan yang indah.

Terbaharu, Lake Cabin yang terletak di Pit Stop @ Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya merupakan lokasi wajib yang perlu dikunjungi kaki basikal.

Mula beroperasi sejak 25 Mei, Lake Cabin adalah

## Lake Cabin port baharu kaki basikal



FADHLUN Mak Ujud (tengah) bersama SM Faisal SM Nasimuddin (kiri) melihat barang yang terdapat di Lake Cabin pada majlis pelancaran Lake Cabin di Anjung Floria, Putrajaya baru-baru ini - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

sebuah premis dua tingkat dengan reka bentuk ala kontena yang menempatkan

kedai basikal Qayoh dan Plan A serta sebuah kafe kopitiam, BOXKL.

Bagi pengunjung yang tiada basikal, tidak mengapa kerana kedai basikal Qayoh di sini menawarkan perkhemahan sewaan manakala peminat aktiviti tersebut juga boleh cuci mata melihat basikal dan peralatan yang dijual di Plan A. Sebelum memulakan kayuhan, pengunjung boleh mengisi perut dengan mengunjungi BOXKL yang menyajikan menu menarik serta pelbagai jenis pilhan kopi sambil menikmati pemandangan di situ.

Naib Presiden Kanan Perbadanan Putrajaya (PP), Datuk Fadhlun Mak Ujud berkata, premis berkenaan bermatlamat menjadikan tambah kepada pembangunan di Putrajaya sebagai bandar rekreasi dengan menawarkan kemudahan, ruang dan peluang untuk orang ramai melibatkan diri dalam aktiviti berbasikal.

"Ia turut merancangkan aktiviti ekonomi setempat

dengan menyediakan peluang pekerjaan kepada belia terutamanya peminat basikal dan yang gemar mengopi," katanya.

### DISKAUN HARGA

Lake Cabin dan aktiviti rekreasi yang bakal dilaksanakan pada masa akan datang diharap dapat meningkatkan lagi daya tarikan di Putrajaya sebagai sebuah bandaraya rekreasi yang dinamik dan moden untuk segenap lapisan masyarakat.

Katanya, pembukaan premis itu sebagai satu lagi inisiatif Pengurus Trillion Gold Peak Sdn. Bhd., Datuk Wira SM Faisal SM Nasimuddin di bawah payung #FNI initiative yang antara lain bertujuan membaharui nilai dan membuka potensi pertumbuhan.

Sementara itu, SM Faisal yakin dengan sokongan dan dorongan diterima daripada semua pihak dalam mengetengahkan Lake Cabin.

Bersempena dengan pelancaran Lake Cabin, pengunjung boleh menikmati diskaun sebanyak 15 peratus yang ditawarkan ke atas hidangan makanan dan minuman di BOXKL sehingga Khamis ini.